

JAWAPAN

TAJUK
1

Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri

- A**
1. A
 2. D
 3. D
 4. A
 5. D
 6. A
 7. D
 8. D
 9. C

- B**
1. • Ceongsam
• Samfu
• Gelang tangan
• Cucuk sanggul
• Penutup kepala
• Cincin
 2. Lelaki
• Baju berlengan panjang dipanggil sia.
• Seluar panjang dipanggil souva.
• Sandai diletakkan di bahu.
• Penutup kepala dipanggil sigal.
Wanita
• Baju bahagian dalam berwarna putih dipanggil sia id sahom.
• Kain separas lutut dipanggil gonob.
• Bahagian pinggang dipanggil perhiasan rupia atau lupia.
• Gelang yang dipakai kedua-dua belah tangan dipanggil bolilit.
• Perhiasan kepala dipanggil soundung dipakai di bahagian dalam diikuti suing.
 3. Teratai
Organik
Geometri

- C** Baju Melayu ini sangat popular khususnya di negeri Johor dan Kepulauan Riau. Baju Melayu Teluk Belanga yang dipakai oleh masyarakat lelaki Melayu dengan pemakaian satu butang sebagai pelengkap gaya. Baju Melayu ini diambil sempena nama kawasan kediaman Temenggung Johor di daerah Teluk Belanga, Singapura yang kini lebih dikenali sebagai *Harbour Front*. Pemakaian samping atau kain yang dipakai di bahagian luar yang dikenali sebagai kain dagang luar. Perhiasan diri yang dipakai seperti songkok, leher teluk belanga dan samping yang menggunakan motif alam.

- D** Kaum: India
Nama pakaian: Sari
Catatan: Kain ela bersaiz antara 5.5 sehingga 6 meter panjang. Cara melilit kain memerlukan kemahiran agar lilitan yang membalut tubuh tanpa jahitan kelihatan rapi dan kemas bagi pemakainya.

Kaum: Cina

Nama pakaian: Ceongsam

Catatan: Mempunyai potongan labuh atau singkat berkeruk di sisi serta berbelah tepi. Jenis fabrik yang digunakan adalah sutera atau broked.


Kaum: Melayu

Nama pakaian: Baju Kurung Kedah

Catatan: Baju dipadankan dengan kain lipatan bertangkup atau berselisih di hadapan.

- E** Cucuk sanggul dipakai satu atau satu set lengkap terdiri daripada tiga, lima atau tujuh sebagai perhiasan di kepala.

F



- G** Baju ini merupakan Baju Kurung Pahang. Corak geometri diaplikasikan dengan susunan melengkung ke bawah. Susunan corak ini menarik dan membuatkan pemakai kelihatan lebih ramping. Corak yang dihasilkan diwarnakan dengan warna terang membuatkan pemakai kelihatan lebih ceria.